BAB 3

PENGELUARAN MAKANAN DAN ISU SEKURITI MAKANAN

3.1 Pengenalan

Sejarah telah membuktikan bahawa fenomena krisis matawang adalah satu keadaan yang lazim berlaku dalam kitaran ekonomi. Krisis matawang ini telah berlaku di Eropah di sekitar tahun 1992-1993 dan Amerika Latin di tahun 1994-1995. Cuma krisis yang melanda Asia Timur dan Asia Tenggara lewat tahun 1990-an ini adalah yang paling teruk dialami di rantau ini. Skel atau magnitud krisis Asia kali ini adalah yang paling padah pernah dilihat oleh dunia. Negara-negara Asia Tenggara yang paling terjejas akibat krisis kewangan ini termasuklah Thailand, Indonesia, Korea, Filipina dan tidak terkecuali Malaysia.

Ekoran daripada krisis kewangan ini, banyak sektor ekonomi di Malaysia telah terjejas pengeluarannya. Ini dapat diperhatikan terutamanya dalam sektor pertanian khasnya pengeluaran makanan negara. Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN 2) terus dinilai semula. Justeru itu, kerajaan telah melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), 1998-2010. Objektif utama dalam DPN3 ialah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor ini. Secara khususnya, objektif DPN3 ialah:

- Meningkatkan sekuriti makanan;
- Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian;

- Mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain;
- Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru untuk sektor pertanian dan
- Memulihara dan menggunakan sumber-sumber asli secara mampan.

Definisi sekuriti makanan dilihat sebagai 'akses bagi semua penduduk ke atas makanan yang cukup untuk hidup sihat dan aktif' (Fatimah Mohd. Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, 1997). Terdapat tiga komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu pengeluaran makanan yang cukup, penawaran yang stabil dan segmen penduduk yang terpencil dan tersisir mempunyai akses kepada makanan. Terjemahan interpretasi konsep sekuriti makanan adalah berbeza mengikut tahap. Di peringkat antarabangsa, sekuriti makanan membawa maksud pertanggungjawaban semua negara bagi memastikan pasaran negara dan harga makanan yang stabil. Walau bagaimanapun, di tahap sesebuah negara, sekuriti makanan boleh didefinisikan sebagai keupayaan sesebuah negara untuk memastikan penawaran makanan yang konsisten dalam pasaran domestik. Bagi seseorang individu pula, ia boleh diterjemahkan sebagai setiap orang perseorangan yang mempunyai bekalan makanan yang mencukupi dan memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap standard.

3.2 EVOLUSI POLISI SEKURITI MAKANAN

Seperti negara lain, Malaysia juga menjadikan sekuriti makanan sebagai tema utama polisi dalam perancangan pembangunan ekonomi negara. Semenjak merdeka lagi, krisis kewangan dan ekonomi yang berlaku telah memberi pengajaran yang amat berharga kepada Malaysia tentang peri pentingnya sekuriti makanan. Matlamat mencapai sekuriti makanan terutama beras adalah

tema utama dalam pembangunan sektor ini mulai 1960-an hingga 1990-an. Namun begitu, sasaran tahap sara diri negara dikurangkan daripada 80.0 peratus kepada 65.0 peratus. Perubahan pendekatan dan strategi adalah perlu kerana transformasi ekonomi Malaysia pesat berubah daripada ekonomi yang bersumberkan komoditi pertanian kepada ekonomi yang lebih berorientasikan barangan pembuatan untuk eksport. Pembangunan pesat sektor pembuatan memberikan beberapa impak kepada sektor pertanian. Sektor ini telah menarik faktor pengeluaran terutamanya tanah dan buruh keluar daripada perusahaan pertanian.

Dalam usaha untuk mencapai tahap sekuriti makanan yang ditetapkan, terdapat tiga kaedah utama iaitu sara diri dalam makanan, stokpail dalam negara dan di tahap antarabangsa. Dalam polisi makanan, Malaysia telah menggabungkan kaedah sara diri dan stokpail bagi padi dan beras. Walaupun polisi sekuriti makanan tidak digariskan secara nyata tetapi kerajaan Malaysia menyerapkan kepentingannya dalam erti kata sara diri dan ia merujuk kepada beras dan padi bagi tempoh 1960-an hingga 1980-an. Selepas DPN1 diperkenalkan pada tahun 1984, barulah butiran makanan lain diambilkira di samping padi dan beras.

Dalam sekitar tahun 1960-an, objektif sara diri dalam pengeluaran padi dan beras menjadi keutamaan dalam pembangunan pertanian. Objektif ini didorong oleh rasionalnya sekuriti makanan. Ia telah digabungkan dengan objektif ekuiti bagi memastikan pendapatan tinggi kepada petani dan bagi menjamin kestabilan penawaran beras kepada pengguna. Dalam tempoh ini,

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

sebahagian besar pesawah dan pengguna hidup dalam kemiskinan. Maka, strategi dan objektif disusun bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan menjamin bekalan beras yang stabil bagi memastikan sebahagian besar pengguna miskin mendapat bekalan beras yang mencukupi.

Antara strategi yang diambil oleh kerajaan bagi mencapai objektif ini merangkumi penyediaan infrastruktur, bantuan khidmat sokongan dan campur tangan dalam pemasaran padi dan beras. Kerajaan telah melabur dalam pembinaan prasarana perparitan dan sistem pengairan di kawasan jelapang padi seperti di kawasan MADA, KADA dan beberapa kawasan penanaman utama padi lain. Penanaman padi dua kali setahun telah dilancarkan secara meluas. Selain daripada subsidi harga, benih dan baja, pihak kerajaan juga melaksanakan polisi jaminan harga padi. Ia bertujuan untuk melindungi petani yang menjadi mangsa kepada struktur pasaran padi yang dianggap tidak bersaing dan kegiatan orang tengah yang mengambil keuntungan berlebihan (Fatimah Mohd. Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, 1997).

Manakala penawaran beras domestik pula dipantau melalui skim stokpail. Skim ini digunakan bagi memastikan rezab beras negara mencukupi dalam menghadapi sebarang krisis atau darurat. Dalam tahun 1957, skim stokpail ini berfungsi sebagai stok penimbal iaitu satu skim di mana beras dibeli apabila harga rendah dan kemudian dijual kembali bila harga meningkat. Transaksi ini bertujuan untuk menstabilkan harga padi di dalam pasaran domestik. Walaupun begitu, pada awal tahun 1970-an, skim stok penimbal ini tidak lagi berkesan dalam usaha untuk mencapai objektif kestabilan harga beras.

Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kos pengendalian yang tinggi, kuantiti stok yang kecil untuk memberi kesan ke atas pasaran dan lain-lain.

3.3 PENCAPAIAN SEKURITI MAKANAN

Berlatarbelakangkan huraian evolusi polisi makanan, pencapaian objektif sekuriti makanan dapat digambarkan berdasarkan beberapa penunjuk seperti keluasan kawasan tanaman, pengeluaran, eksport dan import makanan dan implikasinya ke atas tahap sara diri dalam pelbagai butiran makanan.

3.3.1 Kegunaan dan Keluasan Kawasan Tanaman Pertanian

Beberapa pemerhatian dapat dirumuskan dari corak penggunaan dan keluasan tanaman utama di Malaysia (Jadual 3.1). Pertama, secara keseluruhannya keluasan tanah pertanian antara 1995 hingga 2000 meningkat sebanyak 3.6 peratus daripada 5.7 juta hektar kepada 5.9 juta hektar. Ia dijangka meningkat kepada 6.3 juta hektar pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 6.1 peratus daripada tahun 2000. Namun, analisis hanya ditumpukan kepada keluasan tanaman, penggunaan tanah pertanian bagi komoditi makanan sahaja.

Secara keseluruhannya, penggunaan tanah untuk komoditi makanan meningkat kecuali bagi tanaman kelapa (Jadual 3.1). Bagi tanaman bijirin utama iaitu padi berkurangan 3.4 peratus daripada 0.59 juta hektar pada tahun 1995 kepada 0.57 juta hektar pada tahun 2000. Jumlah keluasan tanaman padi dijangka meningkat pada tahun 2005 daripada 0.57 juta hektar pada tahun 2000 kepada 0.61 juta hektar iaitu peningkatan sebanyak 6.8 peratus. Bagi tanaman lain untuk tempoh 1995 hingga 2000 mencatatkan pertumbuhan dalam keluasan

tanaman yang positif. Sayur-sayuran mencatatkan peningkatan sebanyak 22.4 peratus dan buah-buahan sebanyak 21.7 peratus. Keluasan tanaman untuk sayur-sayuran dan buah-buahan ini dijangka terus meningkat pada tahun 2005 berbanding tahun 2000 di mana masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 50.3 peratus dan 27.6 peratus.

Keluasan tanaman untuk kelapa dan lain-lain tanaman bagi tempoh 1995 hingga 2000 masing-masing mencatatkan penurunan 26.4 peratus dan 1.0 peratus. Keluasan tanaman kelapa dijangka menurun bagi tahun 2005 sebanyak 8.6 peratus tetapi bagi keluasan penggunaan tanah untuk lain-lain tanaman termasuk teh, kopi dan lain-lain tanaman dijangka meningkat sebanyak 0.3 peratus. Secara relatifnya, keluasan tanah untuk tanaman makanan bagi tempoh 1995 hingga 2000 telah menurun sebanyak 3.0 peratus daripada 1,245,807 hektar kepada 1,208,586 hektar. Namun begitu, bagi tempoh tahun 2000 hingga 2005, keluasan tanah bagi tanaman makanan dijangka meningkat sebanyak 2.1 peratus setahun daripada 1,208,586 hektar(2000) kepada 1,336,640 hektar (2005). Peningkatan keluasan tanaman ini disebabkan oleh usaha kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian sebagai sektor pengeluar makanan dan pembekal bahan mentah kepada industri bernilai tambah yang tinggi untuk dikekalkan sebagai teras utama dalam pembangunan.

3.3.2 Pengeluaran Output Pertanian

Dalam Kajian Semula RM7, tumpuan terus diberikan ke arah peningkatan produktiviti dan pengukuhan daya saing dan menggalakkan penyertaan sektor swasta terutamanya dalam pertanian berkomersial dan

Jadual 3.1 : Penggunaan Tanah Pertanian, 1995-2005 (hektar)

Komoditi	1995	2000	2005[r]	Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (%) RM7 Matlamat	RM7 Pencapaian	RM8 Matlamat
Komoditi Pertanian Untuk Industri						
Getah	1727000	1430700	1301500	-3.8	-0.37	-1.9
Kelapa sawit	2507611	3460000	3100000	1.1	6.7	-2.2
Koko	234538	105000	105000	-1.9	-14.8	0.1
Lada hitam	8600	11480	12500	-1.1	5.9	1.7
Nanas	9081	10233	16000	4.5	2.4	9.4
Tembakau	10539	15000	12500	-1.0	7.3	-3.6
Komoditi Makanan						
Padi[1]	592410	572196	611000	-9.7	-0.7	0.6
Kelapa[1]	298740	220000	201000	-5.0	-5.9	-1.8
Sayur-sayuran[1]	42000	51420	77290	3.0	4.1	8.5
Buah-buahan	244471	297436	379613	7.1	4.0	5.0
Lain-lain[2]	68186	67534	67737	-0.3	-0.2	0.1
Jumlah[3]	**5743137**	**5949934**	**6314977**	**-1.4**	**0.7**	**1.2**

Nota: [1] berdasarkan kawasan dituai

[2] termasuk teh, kopi dan lain-lain tanaman

[3] hanya merujuk kepada kawasan fizikal dan tidak termasuk penanaman campuran atau penuaian berganda

[r] ramalan Kementerian Kewangan

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005 (diubahsuai)

berskala besar. Di bawah rangka dasar rancangan ini, peranan sektor awam lebih ditumpukan untuk memberi sokongan kepada pihak swasta terutamanya pekebun-pekebun kecil. Sokongan ini termasuklah perkhidmatan pengembangan dan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Antara objektif utama DPN3 ialah untuk meningkatkan sekuriti makanan negara. Selaras dengan objektif itu DPN3, penumpuan diberikan kepada keperluan meningkatkan pengeluaran makanan domestik dan perolehan sumber makanan yang strategik. Ini bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi apabila berlaku sesuatu krisis. Di samping itu juga bertujuan menjamin bekalan makanan yang berkhasiat dan berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan. Pengeluaran komoditi makanan keseluruhannya mencatatkan peningkatan bagi beberapa jenis makanan. Pada tahun1995, pengeluaran bijirin utama padi ialah sebanyak 2.1 juta tan dan pada tahun 2000 pula 2.2 juta tan iaitu peningkatan sebanyak 1.0 peratus setahun (Jadual 3.2). Peningkatan pengeluaran ini adalah hasil daripada beberapa langkah. Antaranya ialah penggunaan jentera moden, penyatuan sawah-sawah kecil melalui program peladangan berkelompok dan secara estet serta penggunaan biji benih bermutu tinggi. Ini bertujuan menggalakkan pengkomersialan dan penglibatan sektor swasta yang lebih aktif. Pengeluaran padi telah mencapai matlamat RM7 iaitu sebanyak 1.0 peratus setahun. Pengeluaran bijirin utama ini dijangka terus meningkat daripada 2.2 juta tan pada tahun 2000 kepada 2.8 juta tan pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 5.5 peratus setahun.

Jadual 3.2: Pengeluaran Komoditi Pertanian 1995-2005 ('000 tan)

Komoditi	1995	2000	2005[r]	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) RM7 Sasaran	RM7 Pencapaian	RM8 Sasaran
Komoditi Pertanian Untuk Industri						
Getah	1089	616	560	-1.7	-10.8	-1.9
Minyak Kelapa sawit	7811	10840	12416	3.2	6.8	2.8
Isirong Kelapa sawit	2396	3220	3774	3.2	6.1	2.3
Kayu balak[1]	31842	23898	18864	-3.5	-5.6	-2.4
Koko	131	70	115	0.5	-11.9	7.4
Lada hitam	13	24	30	-1.1	12.6	4.6
Nanas	140	184	264	1.4	5.6	7.5
Tembakau	10	11	15	5.6	1.1	6.4
Bunga-bungaan[2]	365070	501697	686010	16.2	6.6	6.5
Komoditi Makanan						
Padi	2127	2235	2813	-2.1	1.0	4.7
Buah-buahan[3]	1020	1376	1982	8.5	6.2	7.6
Sayur-sayuran[3]	718	1019	1390	5.8	7.2	6.4
Kelapa4	1389	550	824	-2.0	-16.2	8.4
Perikanan	**1241**	**1511**	**1860**	**4.0**	**4.0**	**4.2**
Laut	1108	1256	1360	1.2	2.5	1.6
Akuakultur	133	255	500	20.1	14.0	14.4
Ternakan						
Daging lembu	17	28	40	3.6	10.5	7.5
Kambing	0.8	1	105	4.2	5.2	5.9
Babi	283	150	183	1.0	-11.9	4.0
Ayam-itik	687	1050	1329	5.4	8.8	4.8
Telur[4]	6242	8221	9974	3.4	5.7	3.9
Susu[5]	37	50	65	2.1	6.1	5.5

Nota: [1] diukur dalam ribu meter padu
[2] diukur dalam ribu tangkai
[3] merujuk kepada penanaman komersil
[4] diukur dalam juta unit
[5] diukur dalam juta liter
[r] ramalan Kementerian Kewangan

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005 (diubahsuai)

Peningkatan ini disebabkan penggunaan jentera sepenuhnya di kawasan-kawasan utama penanaman padi pada akhir tempoh rancangan. Kesan daripada penggunaan jentera moden, penggunaan buruh import telah berkurangan daripada 47 hari kerja pada tahun 1995 kepada 15 hari kerja pada tahun 2000. Ini seterusnya mengurangkan kos pengeluaran padi negara (Malaysia, 2001b). Pengeluaran komoditi makanan lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan juga menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1995, masing-masing mencatatkan 0.7 dan 1.0 juta tan. Pada tahun 2000, kedua-dua jenis tanaman ini meningkat sebanyak 8.4 peratus bagi sayur-sayuran dan 7.0 peratus setahun bagi buah-buahan. Pengeluaran ini meningkat untuk memenuhi permintaan tempatan yang semakin menggalakkan. Dalam usaha memperkenalkan buah-buahan tempatan, kerajaan telah mempromosikan 15 jenis buah-buahan utama ditanam secara komersial. Antaranya pisang, nanas, tembikai, belimbing, mangga, durian, rambutan, jambu batu dan limau. Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan untuk memajukan tanaman sayur-sayuran seperti perluasan kawasan tanaman, penyediaan infrastruktur asas dan input serta promosi penanaman secara tersusun dan komersial. Hasilnya, telah terdapat peningkatan dalam pengeluaran sayur-sayuran yang kebanyakannya terdiri daripada sayur-sayuran berdaun, ubi dan sayur buah.

Pengeluaran perikanan juga mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran. Pada tahun 1995, perikanan laut dan akuakultur masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 1.1 tan dan 0.1 juta tan. Pada tahun 2000 pula, masing-masing meningkat kepada 1.3 juta tan (2.7 peratus) dan 0.3 juta tan (18.3 peratus). Pada keseluruhannya, sektor kecil perikanan ini mencatatkan

peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 1995, jumlah pengeluaran dicatatkan sebanyak 1.2 juta tan dan meningkat kepada 1.5 juta tan pada tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 4.4 peratus setahun. Perikanan laut merekodkan sebanyak 83.1 peratus daripada jumlah pengeluaran perikanan bagi tahun 2000. Manakala bakinya 16.9 peratus pula dicatatkan oleh perikanan akuakultur. Hasil daripada galakan kerajaan dan penglibatan secara aktif pihak swasta serta penggunaan teknologi tangkapan yang lebih moden, sektor perikanan telah menjadi lebih berorientasikan komersial. Pendaratan ikan pantai menyumbang lebih 80.0 peratus daripada jumlah tangkapan ikan laut. Pengurusan sumber yang lebih mampan telah digalakkan melalui promosi Kod Amalan Perikanan Secara Bertanggungjawab yang disediakan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1997 (Malaysia, 2001b). Berdasarkan RM8, pengeluaran perikanan dijangka meningkat daripada 1.5 juta pada tahun 2000 kepada 1.9 juta pada tahun 2005 atau peningkatan sebanyak 4.6 peratus setahun. Secara pecahannya, keluaran akuakultur berpotensi mencatat peningkatan kepada 500,000 tan pada tahun 2005 berbanding 255,000 tan pada tahun 2000 iaitu perubahan peningkatan purata sebanyak 19.2 peratus setahun.

Pada keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap nilai tambah bagi komoditi makanan (Jadual 3.3). Namun, peratusan nilai tambah bagi padi merosot dari 3.0 peratus pada tahun 1995 kepada 2.9 peratus pada tahun 2000. Sektor perikanan mencatatkan peningkatan bagi setiap lima tahun. Pada tahun 1995, nilai tambah sektor ini telah meningkat kepada 13.1 peratus. Sektor kecil ternakan, juga mencatatkan peningkatan iaitu daripada 5.6 peratus pada tahun

1995 kepada 6.1 peratus pada tahun 2000. Peningkatan sektor ternakan ini dapat dilihat daripada peningkatan jumlah pengeluaran daging lembu, kambing dan susu. Pertumbuhan dicatatkan antara 5.2 peratus hingga 10.5 peratus setahun. Peningkatan dalam jumlah pengeluaran ini adalah hasil daripada integrasi ternakan dalam ladang kelapa sawit dan getah. Walau bagaimanapun, pengeluaran daging babi berkurangan secara mendadak daripada 283,000 tan pada tahun 1995 kepada 150,000 tan pada tahun 2000 akibat daripada peristiwa Bukit Pelanduk. Banyak ternakan ini dimusnahkan untuk mengawal merebaknya wabak penyakit 'Japanese Encephalitis' atau JE dan virus Nipah. Promosi ternakan eksotik sebagai pilihan sumber daging alternatif terutamanya untuk daging berkolestrol rendah bagi menampung permintaan pasaran telah diberi penekanan. Misalnya, bilangan burung unta dan rusa masing-masing telah meningkat daripada 2,400 ekor dan 94,300 ekor pada tahun 1995 kepada 5,000 ekor dan 165,100 ekor bagi tahun 2000 (Malaysia, 2001b).

3.3.3 Eksport dan Import Makanan

Dari segi eksport dan import makanan, Malaysia adalah pengimport bersih makanan semenjak 1970-an lagi (Fatimah Mohd. Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, 1997). Berdasarkan Jadual 3.4, komponen utama makanan yang diimport adalah seperti haiwan hidup, daging, keluaran tenusu dan lain-lain. Analisis perbandingan eksport makanan antara tahun 1995 hingga tahun 2000 menyarankan terdapat peningkatan eksport yang tinggi untuk buah-buahan dan sayur-sayuran serta perikanan yang merangkumi ikan, kerang, kepah dan persediaan selepas itu. Sayur-sayuran dan buah-buahan mencatat peningkatan dalam eksport sebanyak 8.3 peratus setahun daripada RM496 juta pada tahun

1995 kepada RM701.2 juta pada tahun 2000. Pada tahun 1995, eksport sektor perikanan mencatatkan sebanyak RM824.6 juta dan meningkat kepada RM1236.1 juta pada tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 9.9 peratus setahun.

Kesan langsung ekoran krisis kewangan ialah kenaikan dalam harga import. Berdasarkan Jadual 3.4, import makanan untuk haiwan menunjukkan peningkatan daripada RM582.3 juta pada tahun 1995 kepada RM1219.7 juta pada tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 15.9 peratus setahun. Walaupun terdapat peningkatan eksport dalam sektor perikanan, negara masih mengimport sumber perikanan lain. Pada tahun 1995, import sektor ini dicatatkan sebanyak RM773.1 juta dan meningkat kepada RM1342.8 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.7 peratus setahun. Secara keseluruhannya, semua butiran-makanan mencatatkan kenaikan dalam jumlah import. Contohnya, pada tahun 2000, import terhadap buah-buahan dan sayur-sayuran telah mencapai 14.8 peratus daripada jumlah import, diikuti keluaran tenusu sebanyak 11.0 peratus dan perikanan sebanyak 10.4 peratus. Secara ringkasnya, terdapat ketidakseimbangan dari segi eksport dan import makanan dalam akaun negara. Pada tahun 1995, defisit dicatatkan sebanyak RM3318.3 juta dan meningkat kepada RM6366.0 juta pada tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 18.4 peratus setahun. Jumlah defisit antara eksport dan import dijangka meningkat pada tahun 2005 kepada RM12.6 bilion.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A511375087

Jadual 3.3 : Nilai Tambah Sektor Pertanian, 1995-2005 (RM juta dalam harga 1987)

Komoditi	1995	%	2000	%	2005[r]	%	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) RM7 Matlamat	RM7 Pencapaian	RM8 Matlamat
Getah	2129	12.5	1178	6.5	1025	4.9	-4.1	-11.2	-2.7
Minyak sawit	4235	24.8	6199	34.1	7364	35.0	4.2	7.9	3.5
Perhutanan/ Pembalakan	4139	24.2	3395	18.7	3038	14.5	-8.5	-3.9	-2.2
Koko	1225	7.2	1159	6.4	1192	5.7	-1.9	-1.6	0.6
Padi	516	3.0	532	2.9	673	3.2	0.8	0.6	4.8
Ternakan	953	5.6	1109	6.1	1454	6.9	5.1	3.1	5.6
Perikanan	1964	11.5	2375	13.1	2998	14.3	4.0	3.9	4.8
Pelbagai[1]	1924	11.3	2207	12.2	3274	15.6	7.9	2.8	8.2
Jumlah	**17085**	**100.0**	**18154**	**100.0**	**21018**	**100.0**	1.9	1.2	3.0

Nota: [1] termasuk kopi, teh, kelapa, tembakau, lada hitam
sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bungaan, herba dan lain-lain
[r] ramalan Kementerian Kewangan

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005 (diubahsuai)

Jadual 3.4: Eksport dan Import Makanan,1995-2005 (RM juta)

Perkara	1995	%	2000	%	2005[r]	%	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) RM7	RM8
Eksport	**4466.0**	**100.0**	**6598.9**	**100.0**	**9268.6**	**100.0**	**8.1**	**7.0**
Haiwan Hidup	552.5	12.4	736.9	11.2	1020.0	11.0	5.9	6.7
Daging & Persediaan daging	21.3	0.5	26.6	0.4	32.6	0.4	4.6	4.1
Keluaran Tenusu	245.8	5.5	403.1	6.1	575.3	6.2	10.4	7.4
Buah-buahan & Sayur-sayuran	496.0	11.1	701.2	10.6	918.4	9.9	7.2	5.5
Beras	1.9	0.0	1.5	0.0	2.8	0.0	-4.8	12.9
Ikan, Kerang, Kepah & Persediaan selepas itu	824.6	18.5	1236.1	18.7	1711.0	18.5	8.4	6.7
Bahan Makanan Untuk Haiwan	326.1	7.3	597.8	9.1	1002.5	10.8	12.9	10.9
Lain-lain	1997.8	44.7	2895.7	43.9	4006.0	43.2	7.7	6.7
Import	**7784.3**	**100.0**	**12964.9**	**100.0**	**21896.9**	**100.0**	**10.7**	**11.1**
Haiwan Hidup	142.0	1.8	205.8	1.6	354.2	1.6	7.7	11.5
Daging & Persediaan daging	279.0	3.6	465.6	3.6	767.2	3.5	10.8	10.5
Keluaran Tenusu	951.9	12.2	1420.3	11.0	2364.8	10.8	8.3	10.7
Buah-buahan & Sayur-sayuran	1127.8	14.5	1913.6	14.8	3255.0	14.9	11.2	11.2
Beras	356.1	4.6	500.7	3.9	764.8	3.5	7.1	8.8
Ikan, Kerang, Kepah & Persediaan selepas itu	773.1	9.9	1342.8	10.4	2302.4	10.5	11.7	11.4
Bahan Makanan Untuk Haiwan[1]	582.3	7.5	1219.7	9.4	2166.1	9.9	15.9	12.2
Lain-lain	3572.1	45.9	5896.4	45.5	9922.4	45.3	10.5	11.0

Nota: [1] tidak termasuk bijirin jagung dan kacang soya
[r] ramalan Kementerian Kewangan
Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005 (diubahsuai)

3.3.4 Tahap Sara Diri Makanan

Agenda utama DPN1 (1984) ialah untuk mencapai pengeluaran makanan yang cekap bagi memenuhi keperluan penduduk. Agenda ini berterusan di dalam DPN2 (1992) dan juga DPN3 (1998). Seperti yang dinyatakan dalam DPN1, sasaran utama ialah untuk mencapai dan mengekalkan tahap sara diri pada 80.0 peratus bagi makanan utama. Strategi utama yang digariskan dalam DPN1 ialah untuk meningkatkan produktiviti dengan penggunaan benih bermutu, teknik moden dalam aktiviti pertanian dan peralatan dan bot-bot moden bagi aktiviti perikanan laut dalam. Jadual 3.5 menunjukkan pencapaian tahap sara diri bagi beberapa jenis butiran makanan.

(a) ***Beras***

Walaupun beberapa teknik moden dalam pengeluaran padi telah digunakan, ia tidak banyak membantu untuk memperbaiki produktiviti dalam pengeluaran padi. Antara teknik baru ialah penanaman secara serakan bagi menggantikan cara tradisional, pengenalan cara bajakan moden dan mesin tuaian moden. Sebenarnya, tahap sara diri bagi beras telah menurun daripada rekod tertinggi yang dicapai pada tahun 1972 iaitu 91.0 peratus. Kesannya dapat dilihat dari penurunan di dalam output beras kepada 1.14 juta tan pada tahun 1990 di mana ia menunjukkan tahap sara diri hanya 73.0 peratus sahaja (Pazim@Fadzim Othman, 2000). Berdasarkan Jadual 3.5, tahap sara diri bagi beras telah menurun daripada 76.3 peratus pada tahun 1995 kepada 71.0 peratus pada tahun 2000 iaitu penurunan sebanyak 5.3 peratus. Namun, tahap sara diri bagi beras dijangka meningkat daripada 71.0 peratus pada tahun 2000 kepada 72.0 peratus pada tahun 2005.

Jadual 3.5: Tahap Sara Diri Komoditi Makanan, 1995-2005 (%)

Komoditi	1995	2000	2005[r]
Beras	76.3	71.0	72.0
Buah-buahan	88.9	91.3	98.6
Sayur-sayuran	71.6	88.5	95.6
Keluaran Perikanan	92.0	89.0	90.0
Daging Lembu	19.2	22.7	23.2
Kambing	6.0	6.4	7.1
Babi	104.0	80.0	76.1
Ayam-itik	110.7	127.8	143.2
Telur	110.3	138.8	152.5
Susu	3.5	4.0	4.5

Nota: [r] ramalan Kementerian Kewangan

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005 (diubahsuai)

(b) Sayur-sayuran

Bagi tanaman sayur-sayuran pula ia menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Pengeluarannya meningkat daripada 718,000 tan pada tahun 1995 kepada 1,019,000 tan pada tahun 2000 (Jadual 3.2). Tahap sara diri bagi tanaman ini meningkat iaitu daripada 72.0 peratus pada tahun 1995 kepada 89.0 peratus pada tahun 2000 dan dijangka terus meningkat kepada 96.0 peratus pada tahun 2005. Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan baja bukan organik yang menyumbangkan kepada peningkatan pengeluaran dan produktiviti.

(c) Keluaran Perikanan

Perikanan yang terdiri daripada kumpulan perikanan laut dan akuakultur juga merupakan jenis makanan utama yang merekodkan peningkatan dari segi jumlah tangkapan, pendaratan dan tahap sara diri. Dari segi pengeluaran (Jadual 3.2), sektor ini mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 4.0 peratus setahun daripada 1.2 juta tan pada tahun 1995 kepada 1.5 juta tan pada tahun 2000. Pada tahun 2005, dijangkakan pengeluaran adalah sebanyak 1.9 juta tan. Peningkatan pengeluaran dalam sektor ini disebabkan banyak bekas-bekas lombong yang terdapat di Perak dan Selangor dijadikan kolam ternakan ikan air tawar. Peningkatan keluaran adalah ekoran permintaan yang tinggi terhadap ikan air tawar dalam pasaran tempatan. Dari segi tahap sara diri, pada tahun 1995, terdapat penurunan dari 92.0 peratus kepada 89.0 peratus pada tahun 2000. Bagi tahun 2005, tahap sara diri sektor perikanan dijangka meningkat kepada 90.0 peratus.

(d) Ternakan

Sektor ternakan terdiri daripada pengeluaran daging lembu, kambing, ayam-itik, babi, telur dan susu. Pengeluaran ayam-itik telah meningkat di mana lebih daripada 100.0 peratus tahap sara diri bagi tempoh 1995 hingga 2000 telah dicapai. Pada tahun 1995, ia mencapai 111.0 peratus, pada tahun 2000 (126.0 peratus) dan pada tahun 2005 ia dijangka mencapai 143.0 peratus. Walaupun begitu, bagi pengeluaran daging babi, pengeluarannya menurun sebanyak 11.9 peratus setahun bagi tempoh 1995-2000 di mana pada tahun 1995, pengeluarannya berjumlah sebanyak 283,000 tan dan pada tahun 2000 sebanyak 150,000 tan. Penurunan dalam pengeluaran ini membawa kepada penurunan tahap sara diri iaitu daripada 104.0 peratus pada tahun 1995 kepada 80.0 peratus

pada tahun 2000 dan dijangka akan terus menurun kepada 76.0 peratus pada tahun 2005. Salah satu faktor utama yang menyebabkan kemerosotan dalam pengeluaran daging jenis ini adalah kerana serangan virus JE dan Nipah (Malaysia, 2001b).

3.4 Kesimpulan

Objektif utama DPN3 ialah meningkatkan sekuriti makanan negara. Dengan itu, DPN3 telah memberikan tumpuan yang serius kepada keperluan untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik dan perolehan sumber makanan yang strategik. Ini adalah untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi, aksesibiliti kepada makanan yang selamat, bermutu tinggi dan berkhasiat pada harga yang berpatutan. Ekoran daripada kemelesetan ekonomi negara, sektor kecil makanan ini telah diberi penuh perhatian bagi memulihkan semula ekonomi negara. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memperbaiki Imbangan Perdagangan serta mengukuhkan keselamatan dari segi bekalan makanan. Beberapa penunjuk seperti keluasan tanaman, jumlah pengeluaran, eksport dan import makanan ternyata mempengaruhi tahap sara diri makanan. Penunjuk-penunjuk ini dapat dijadikan pengukur bagi pihak pembuat polisi merangka dasar-dasar yang lebih efektif dan efisien dalam menjamin sekuriti makanan negara.